



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)

www.gaexcellence.com/ijmoe



MELESTARIKAN IKLIM BILIK DARJAH POSITIF DI SEKOLAH MENENGAH DI ERA DIGITAL

SUSTAINING A POSITIVE CLASSROOM CLIMATE IN SECONDARY SCHOOLS IN THE DIGITAL AGE

Shuhaida Shaari ^{1*}, Yasmin Ahmad²

¹Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia

 farsheeda2018@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0000-0059-0731>

²Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia

 yasminahmad@unimap.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0007-7602-4614>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.01.2026

Revised date: 09.02.2026

Accepted date: 16.03.2026

Published date: 26.03.2026

To cite this document:

Shaari, S., & Ahmad, Y. (2026). Melestarikan Iklim Bilik Darjah Positif Di Sekolah Menengah Di Era Digital. *International Journal of Modern Education*, 8(29), 1028-1051.

Abstrak:

Iklim bilik darjah yang positif merujuk kepada kualiti persekitaran sosial, emosi dan akademik yang dibina secara bersama oleh guru dan murid dalam proses pembelajaran. Iklim yang kondusif merupakan asas penting kepada keberkesanan pengajaran serta pencapaian murid yang optimum. Dalam era digital yang semakin berkembang, peranan guru menjadi semakin penting dalam memastikan persekitaran pembelajaran yang menyokong perkembangan akademik dan kesejahteraan murid. Kertas konsep ini berasaskan dua perspektif teori yang saling melengkapi iaitu Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*) dan Teori Konektivisme (*Connectivism Theory*). Teori Penentuan Kendiri menjelaskan bagaimana amalan pengajaran guru yang menyokong autonomi, kompetensi dan hubungan guru-murid dapat meningkatkan motivasi intrinsik serta penglibatan murid dalam pembelajaran. Sementara itu, teori Konektivisme menerangkan bagaimana pembelajaran berlaku melalui rangkaian pengetahuan, interaksi sosial dan penggunaan teknologi digital dalam persekitaran pembelajaran moden. Kertas konsep ini mensintesis literatur terkini berkaitan strategi untuk mengekalkan dan melestarikan iklim bilik darjah yang positif dalam konteks pendidikan digital serta implikasinya terhadap hasil pencapaian murid. Antara strategi utama yang dikenal pasti termasuk pembinaan hubungan guru-murid yang positif, amalan pengajaran yang menyokong autonomi murid, pengurusan bilik darjah yang konsisten, pembangunan profesional guru dan sokongan kepimpinan sekolah. Model konseptual yang dicadangkan merangkumi

amalan guru dalam era digital, sistem sokongan profesional, iklim bilik darjah positif yang berkekalan serta hasil pencapaian murid. Hasil pencapaian murid dilihat daripada beberapa dimensi iaitu pencapaian akademik, literasi dan kompetensi digital, hubungan sosioemosi serta pembelajaran terkawal sendiri. Kertas konsep ini turut mengemukakan saranan kepada guru, kepimpinan sekolah dan penggubal dasar untuk memberi penekanan kepada pembangunan profesional berterusan, pembentukan budaya sekolah kolaboratif serta pemantauan berterusan terhadap kelestarian iklim bilik darjah yang positif dalam era digital.

DOI: 10.35631/IJMOE.829060

Kata Kunci:

Era Digital, Hubungan Guru-Murid, Iklim Bilik Darjah Positif, Pembangunan Profesional Guru, Pencapaian Murid

Abstract:

A positive classroom climate refers to the quality of the social, emotional and academic environment co-constructed by teachers and students within the learning process. Such a supportive environment forms a critical foundation for effective teaching and optimal student achievement. In the rapidly evolving digital era, the role of teachers has become increasingly significant in ensuring that the learning environment supports both academic development and students' well-being. This concept paper is grounded in two complementary theoretical perspectives: Self-Determination Theory (SDT) and Connectivism Theory. Self-Determination Theory explains how teaching practices that support students' autonomy, competence, and teacher-student relatedness can enhance intrinsic motivation and student engagement in learning. Meanwhile, Connectivism explains how learning occurs through networks of information, social interaction, and digital technologies within modern learning environments. This paper synthesizes recent literature on strategies to sustain a positive classroom climate in digital learning contexts and its implications for student outcomes. Key strategies identified include fostering positive teacher-student relationships, implementing autonomy-supportive teaching practices, maintaining consistent classroom management, promoting continuous professional development for teachers, and strengthening school leadership support. The proposed conceptual model encompasses teachers' practices in the digital era, professional support systems, a sustainable positive classroom climate, and student learning outcomes. Student outcomes are examined across several dimensions, including academic achievement, digital literacy and competencies, socio-emotional relationships, and self-regulated learning. This concept paper also provides recommendations for teachers, school leaders, and policymakers to emphasize continuous professional development, the development of collaborative school cultures, and ongoing monitoring of sustainable positive classroom climates in the digital era.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keyword:

Digital Era, Positive Classroom Climate, Student Achievement, Teacher Professional Development, Teacher-Student Relationship

Pengenalan

Iklim bilik darjah yang positif merujuk kepada kualiti persekitaran sosial, emosi dan akademik yang dibina secara bersama oleh guru dan murid dalam ruang pembelajaran (Korpershoek et al., 2016). Iklim bilik darjah yang kondusif sering dikaitkan dengan tahap motivasi murid yang lebih tinggi, pencapaian akademik yang lebih baik serta kesejahteraan sosio-emosi yang lebih positif (Awang et al., 2018; Korpershoek et al., 2016; Sibat & Yasin, 2022; Thapa et al., 2013). Dalam konteks pendidikan masa kini yang semakin dipengaruhi oleh perkembangan teknologi digital, peranan iklim bilik darjah yang positif menjadi semakin penting bagi memastikan murid kekal terlibat secara aktif dalam pembelajaran.

Walaupun banyak kajian telah meneliti strategi untuk mewujudkan iklim bilik darjah yang positif, perhatian yang relatifnya terhad diberikan kepada bagaimana sekolah dapat mengekalkan dan melestarikan iklim tersebut secara konsisten dari semasa ke semasa. Hal ini penting kerana kelestarian iklim bilik darjah yang positif bukan sahaja mempengaruhi pengalaman pembelajaran harian murid, tetapi juga menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sepanjang tahun akademik. Di peringkat sekolah menengah khususnya, murid sedang melalui pelbagai perubahan perkembangan yang kompleks dari aspek kognitif, sosial dan emosi. Oleh itu, persekitaran pembelajaran yang menyokong amat penting untuk mengekalkan motivasi, penglibatan dan kesejahteraan murid dalam proses pembelajaran (Hospel & Galand, 2016).

Kepentingan mengekalkan iklim bilik darjah yang positif turut disokong oleh pelbagai kajian empirikal. Penyelidikan menunjukkan bahawa bilik darjah yang mempunyai persekitaran pembelajaran yang positif dan stabil mencatatkan pencapaian akademik yang lebih tinggi, kadar ketidakhadiran yang lebih rendah serta tahap gangguan tingkah laku yang lebih sedikit berbanding bilik darjah yang mempunyai iklim yang tidak konsisten (Wang et al., 2020). Selain itu, iklim bilik darjah yang positif juga menyumbang kepada perkembangan kompetensi sosio-emosi murid, yang seterusnya dikaitkan dengan kejayaan akademik dan kerjaya dalam jangka panjang (Abu Zarim & Surat, 2022; Alonso-Tapia et al., 2023).

Dalam era digital, usaha untuk mengekalkan iklim bilik darjah yang positif menjadi lebih mencabar disebabkan oleh pelbagai faktor seperti gangguan digital, perubahan corak interaksi sosial murid serta jurang akses kepada teknologi dan sumber pembelajaran digital (Ganesan & Mohd Nordin, 2023; Hasin et al., 2022; Kamaruddin, 2020; Mohd Haslin & Hamzah, 2023; Shahaimi & Khalid, 2017; Zamzuri Noor et al., 2025). Justeru, pendekatan yang lebih sistematik diperlukan bagi memastikan iklim bilik darjah yang positif dapat dikekalkan dan dilestarikan dalam persekitaran pembelajaran yang semakin berorientasikan teknologi.

Sehubungan itu, kertas konsep ini bertujuan untuk meneliti bagaimana iklim bilik darjah yang positif dapat dikekalkan, dipertingkatkan dan dilestarikan di sekolah menengah dalam era digital. Selain itu, meneroka bagaimana kelestarian iklim bilik darjah yang positif dapat menyumbang kepada peningkatan pencapaian murid dari aspek akademik, perkembangan sosio-emosi serta kompetensi pembelajaran dalam persekitaran pendidikan masa kini.

Kerangka Teori

Kajian ini berasaskan dua perspektif teori yang saling melengkapi iaitu Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory, SDT*) dan Teori Konektivisme (*Connectivism Theory*).

Kedua-dua teori ini memberikan kerangka konseptual bagi memahami bagaimana iklim bilik darjah yang positif dapat dikekalkan serta bagaimana ia mempengaruhi pencapaian murid dalam persekitaran pembelajaran masa kini.

Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory, SDT*)

Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory, SDT*) menjelaskan bahawa individu mempunyai tiga keperluan asas psikologi iaitu autonomi, kompetensi dan perkaitan. Apabila ketiga-tiga keperluan ini dipenuhi, individu cenderung untuk menunjukkan tahap motivasi intrinsik dan penglibatan yang lebih tinggi dalam sesuatu aktiviti (Ryan & Deci, 2000, 2017, 2020). Dalam konteks pendidikan, *SDT* memberi penekanan kepada peranan guru dalam menyokong keperluan psikologi murid melalui amalan pengajaran yang menyokong autonomi, membina kompetensi dan menggalakkan hubungan sosial yang positif. Pendekatan ini membantu meningkatkan motivasi, penglibatan dan kesejahteraan murid dalam proses pembelajaran. Selain itu, teori ini turut menekankan kepentingan persekitaran pembelajaran yang menyokong inisiatif guru dalam menetapkan matlamat pengajaran, memilih strategi pengajaran yang sesuai serta melibatkan diri dalam pembangunan profesional secara berterusan. Keadaan ini berpotensi meningkatkan keberkesanan pengajaran serta menyumbang kepada hasil pembelajaran murid yang lebih baik (Ahmadi et al., 2023).

Dalam konteks bilik darjah sekolah menengah, autonomi dapat disokong apabila murid diberikan peluang membuat pilihan yang bermakna dalam proses pembelajaran mereka. Kompetensi pula dapat dipupuk melalui pemberian maklum balas yang membina serta penyediaan tugas yang mencabar tetapi sesuai dengan tahap keupayaan murid. Sementara itu, perkaitan atau hubungan sosial dibina melalui interaksi guru-murid yang positif, mesra dan berasaskan rasa hormat. Apabila guru secara konsisten memenuhi keperluan psikologi ini, murid lebih cenderung untuk mengekalkan penglibatan mereka dalam pembelajaran, sekali gus menyumbang kepada kelestarian iklim bilik darjah yang positif (Cheon et al., 2020). Sebaliknya, persekitaran pembelajaran yang gagal memenuhi keperluan psikologi asas, seperti amalan pengajaran yang terlalu mengawal, jangkaan yang tidak jelas atau hubungan interpersonal yang tegang, boleh menjejaskan kualiti iklim bilik darjah.

Teori Konektivisme (*Connectivism Theory*)

Teori Konektivisme yang diperkenalkan oleh Siemens (2005) merupakan teori pembelajaran yang relevan dalam era digital. Teori ini menyatakan bahawa pembelajaran berlaku melalui pembentukan dan navigasi rangkaian hubungan, di mana pengetahuan tidak hanya tersimpan dalam minda individu tetapi juga diagihkan merentasi pelbagai sumber maklumat dan individu dalam rangkaian pembelajaran. Dalam perspektif ini, teknologi memainkan peranan penting dalam usaha membolehkan individu membina dan mengekalkan rangkaian pembelajaran bagi mengakses, menilai dan mengurus maklumat yang sentiasa berubah. Teori ini juga menekankan kepentingan literasi digital, keupayaan memilih maklumat yang relevan serta pembelajaran berterusan melalui rangkaian sosial dan digital dalam membentuk pemahaman dalam dunia yang semakin saling terhubung.

Konektivisme turut menekankan bahawa pembelajaran berlaku melalui interaksi, kolaborasi dan perkongsian pengetahuan dalam komuniti pembelajaran. Murid digalakkan untuk menghubungkan idea, teori dan maklumat daripada pelbagai sumber bagi membina pemahaman yang lebih bermakna. Teknologi digital menyediakan ruang untuk kerjasama dan

perbincangan kumpulan yang membolehkan murid mempertimbangkan pelbagai perspektif dalam membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan memahami maklumat. Dalam konteks ini, pembelajaran tidak lagi terbatas kepada individu semata-mata, tetapi juga berlaku melalui rangkaian dalam talian seperti media sosial, komuniti pembelajaran digital, blog dan pangkalan data maklumat (Alam, 2023).

Integrasi Teori Penentuan Kendiri dan Konektivisme

Kepentingan iklim bilik darjah positif telah banyak dibincangkan namun integrasi perspektif Teori Penentuan Kendiri dan Konektivisme dalam konteks pendidikan menengah era digital, masih kurang diterokai secara konseptual. Apabila digabungkan, Teori Penentuan Kendiri dan Teori Konektivisme menyediakan kerangka yang komprehensif untuk memahami kelestarian iklim bilik darjah positif dalam era digital. *SDT* menerangkan proses motivasi yang mendasari penglibatan guru dan murid dengan memberi penekanan kepada pemenuhan keperluan psikologi asas iaitu autonomi, kompetensi dan perkaitan. Pemenuhan keperluan ini berpotensi meningkatkan motivasi intrinsik serta penglibatan murid dalam pembelajaran. Sementara itu, teori Konektivisme menekankan peranan teknologi dan rangkaian pembelajaran dalam membentuk pengalaman pembelajaran murid dalam persekitaran digital. Melalui rangkaian ini, murid berpeluang untuk mengakses pelbagai sumber pengetahuan, berinteraksi dengan rakan sebaya serta membina pemahaman melalui proses kolaboratif. *SDT* menjelaskan keperluan asas psikologi murid manakala Konektivisme menekankan pembelajaran dalam jaringan digital, keduanya sama-sama membentuk asas kepada kelestarian iklim bilik darjah positif dalam era teknologi.

Pengintegrasian kedua-dua teori ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam pendidikan tidak seharusnya menggantikan hubungan interpersonal dalam bilik darjah, sebaliknya berfungsi sebagai pemangkin untuk memperkukuhkan interaksi pembelajaran yang bermakna. Dalam konteks ini, guru memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong motivasi murid sambil memanfaatkan potensi teknologi digital untuk memperluas rangkaian pembelajaran. Pendekatan ini berpotensi mewujudkan iklim bilik darjah yang positif, mampan dan berdaya tahan, yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan pencapaian murid.

Model Konseptual

Integrasi Teori Penentuan Kendiri dan Konektivisme menyediakan asas untuk membangunkan model konseptual kajian. *SDT* menekankan peranan guru dalam menyokong autonomi, membina kompetensi dan memperkukuh hubungan sosial bagi mengekalkan motivasi dan penglibatan murid. Konektivisme pula menyoroti pembelajaran digital dan rangkaian maklumat sebagai cara memperluas pengalaman pembelajaran serta literasi digital murid. Berdasarkan kedua-dua teori ini, model konseptual menunjukkan hubungan antara amalan guru dalam era digital, sokongan profesional, kelestarian iklim bilik darjah yang positif dan pencapaian murid dari aspek akademik, sosio-emosi serta pembelajaran sendiri.

Model konseptual kajian ini mencadangkan bahawa amalan guru dalam era digital, yang disokong oleh sistem sokongan profesional di peringkat sekolah, memainkan peranan penting dalam membentuk iklim bilik darjah yang positif dan berkekalan. Berasaskan *SDT*, amalan pengajaran guru yang menyokong autonomi, kompetensi dan perkaitan murid berupaya meningkatkan motivasi intrinsik dan penglibatan murid dalam pembelajaran. Dalam masa yang

sama, Teori Konektivisme menjelaskan bagaimana pembelajaran murid berkembang melalui rangkaian digital dan interaksi kolaboratif dalam persekitaran pembelajaran moden. *SDT* menyediakan rangka kerja motivasi melalui penekanannya pada autonomi, kompetensi dan perkaitan, manakala konektivisme mengambil kira cara pengetahuan dicipta, dikongsi dan dikekalkan dalam ekosistem pembelajaran yang didorong oleh teknologi rangkaian. Gabungan kedua-dua perspektif teori ini menjelaskan bagaimana iklim bilik darjah yang positif dapat menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik, literasi digital, perkembangan sosioemosi serta pembelajaran sendiri murid.

Amalan guru dalam era digital dilihat dari segi strategi seperti membina perhubungan, sokongan autonomi dan penggunaan teknologi yang berkesan untuk kerjasama dan penglibatan. Penyepaduan prinsip *SDT* guru dengan alatan digital untuk memupuk autonomi, meningkatkan kompetensi dan membina perkaitan yang secara langsung menyumbang kepada kestabilan iklim jangka panjang bilik darjah (Barkley & Lepp, 2021; Chiu, 2021). Berdasarkan model konseptual, mengekalkan iklim bilik darjah yang positif dalam era digital bukan semata-mata tentang penggunaan teknologi, tetapi tentang mengintegrasikan alatan digital secara strategik dengan prinsip motivasi. Hubungan antara amalan guru, sokongan sekolah, iklim dan hasil pencapaian murid menekankan keperluan untuk penyesuaian berterusan, di mana maklum balas dan teknologi yang berkembang membentuk amalan pengajaran dalam masa nyata.

Tinjauan Literatur

Kajian lepas tentang iklim bilik darjah di Malaysia tidak begitu banyak. Antaranya ialah kajian oleh Bahari et al., 2025, Dolinting dan Pang, 2022, Koundyannan et al., 2020, Norazman et al., 2024, Vellymalay, 2015. Manakala yang lain tertumpu kepada iklim sekolah (Bosacki et al., 2023; Delgado-Galindo et al., 2025; Jusoh & Ismail, 2021; Leslie et al., 2025; Luaran et al., 2025; Malik et al., 2023; Mohd Noor et al., 2016; Muhammad et al., 2022; Sert Celik et al., 2024.). Kertas konsep ini mensintesis literatur terkini tentang strategi untuk mengekalkan iklim bilik darjah yang positif di sekolah menengah, amalan yang mewujudkan iklim awal serta tumpuan kepada mengekalkannya sebagai ciri persekitaran pembelajaran yang stabil dan berkekalan.

Hubungan Guru–Murid

Hubungan guru-murid yang kukuh, hormat-menghormati dan menyokong membentuk tulang belakang kepada iklim bilik darjah positif yang mapan. Di sekolah menengah, murid masih memerlukan bimbingan guru, kualiti hubungan ini meramalkan penglibatan dan pencapaian murid (Allen et al., 2021). Mengekalkan hubungan sedemikian memerlukan komunikasi yang konsisten, ketersediaan emosi dan responsif terhadap keperluan akademik dan peribadi murid. Apabila guru dianggap mudah didekati dan memahami, murid lebih cenderung untuk meluahkan kesukaran mereka dan mencari bantuan apabila menghadapi halangan. Komunikasi terbuka memupuk minda pertumbuhan, membantu murid melihat kesukaran sebagai peluang untuk pertumbuhan dan bukannya halangan yang tidak dapat diatasi. Oleh itu, hubungan yang kukuh dapat meningkatkan motivasi intrinsik murid, yang membawa kepada usaha dan komitmen yang dipertingkatkan ke arah mencapai matlamat pembelajaran (Janebi Enayat & Xudaie, 2025)

Di dalam bilik darjah, ikatan afektif antara murid dan guru dapat meluaskan penglibatan murid dan menanamkan rasa tujuan, yang seterusnya menguatkan ketabahan mereka (Derakhshan et al., 2023). Interaksi antara guru murid menunjukkan bahawa melestarikan persekitaran atau iklim bilik darjah positif yang menyokong dan menarik adalah komponen penting dalam pembelajaran kerana ia boleh memudahkan motivasi dalaman dan daya tahan yang diperlukan untuk pencapaian jangka panjang (Solhi et al., 2023). Dapatan kajian lepas mengetengahkan hubungan antara guru-murid yang positif meningkatkan penglibatan murid, motivasi akademik dan komitmen terhadap matlamat pembelajaran (Li, 2024; Pourgharib & Shakki, 2024; Yuan, 2024; Zhi & Wang, 2024). Dapatan juga menunjukkan bahawa apabila murid berasa dihormati dan disokong, mereka lebih cenderung untuk membangunkan motivasi dan daya tahan intrinsik, yang merupakan elemen penting untuk pembelajaran yang berjaya (Derakhshan et al., 2023). Selain itu, hubungan sedemikian memupuk persekitaran pembelajaran yang selamat secara psikologi, menggalakkan murid untuk mengambil risiko, mengekalkan minat dan gigih mengharungi cabaran dalam tugas pembelajaran (Shakki, 2022).

Amalan Sokongan Autonomi

Autonomi guru bukanlah bermaksud kebebasan mutlak tanpa sempadan tetapi ia adalah pemberian kebebasan profesional kepada guru untuk menentukan pendekatan terbaik dalam merancang kandungan kurikulum, pedagogi, dan pentaksiran (Malaysia mendidik, 2024). Guru adalah pihak paling dekat dengan murid. Guru lebih memahami keperluan sebenar berdasarkan latar belakang, persekitaran sekolah dan tahap penguasaan murid. Kepercayaan ini membolehkan guru menyesuaikan kandungan kurikulum, memilih strategi pengajaran yang sesuai dan menjalankan pentaksiran yang holistik demi memastikan murid mendapat pembelajaran bermakna dan berfokus kepada kemenjadian murid.

Dalam aspek kurikulum, guru diberi kebebasan untuk mengolah kandungan mengikut kesesuaian murid secara lebih fleksibel. Dengan autonomi tersebut, guru mampu menekankan topik yang paling asas dan penting untuk memastikan murid terus berdaya maju. Dalam pedagogi pula, guru bebas memilih pendekatan yang sesuai dengan potensi dan gaya pembelajaran murid. Bahan sumber, aktiviti tambahan dan kaedah pembelajaran tidak lagi terikat secara linear. Autonomi memberi ruang kepada guru untuk berinovasi dan memperkasakan PdPc. Manakala Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) memberikan guru autonomi penuh dalam menentukan instrumen dan pendekatan pentaksiran. Guru bebas menilai apa yang diajarkan, berdasarkan kandungan yang dianggap paling penting dan asas untuk murid kuasai. Pentaksiran kini lebih bersifat kontekstual, autentik dan berpaksikan murid (Malaysia Mendidik, 2024).

Seterusnya sokongan autonomi dapat mengurangkan risiko penurunan iklim bilik darjah dengan kepelbagaian tingkah laku yang tinggi kerana murid berasa lebih dihormati dan dilibatkan dalam proses pembelajaran (Reeve & Cheon, 2021). Pendekatan praktikal termasuk mewujudkan peraturan bilik belajar dengan murid, menyediakan pilihan tugas yang fleksibel dan menggalakkan penilaian sendiri yang reflektif. Amalan ini bukan sahaja menyokong kemampanan iklim bilik darjah tetapi juga memupuk penyeliaan murid secara bebas yang menyumbang secara positif kepada persekitaran sekolah (Voight & Nation, 2016).

Pengurusan Bilik Darjah Yang Konsisten

Konsistensi adalah asas persekitaran bilik darjah yang berkesan dan berkembang maju. Bagi guru, ia bukan sekadar menguatkuasakan peraturan, ia adalah tentang membina kepercayaan, memupuk rutin dan mewujudkan ruang di mana murid berasa selamat dan bersedia untuk belajar (Pace, 2025). Di sekolah menengah, setiap hari murid beralih melalui pelbagai subjek dan guru. Pengurusan bilik darjah yang berkesan adalah lebih penting untuk menangani kerumitan tingkah laku murid, peningkatan autonomi dan pengaruh rakan sebaya (Santrock, 2018). Bilik darjah yang diuruskan dengan berkesan memudahkan pembelajaran dengan memaksimumkan penyertaan murid, menggalakkan tingkah laku positif, mencegah gangguan dan mewujudkan persekitaran yang selamat dan menyokong (Korpershoek et al., 2016). Pengurusan bilik darjah sering dianggap sebagai prasyarat untuk pembelajaran murid. Tanpa persekitaran pembelajaran yang menyokong dan berstruktur, murid kurang untuk kekal terlibat dan lebih cenderung untuk menunjukkan tingkah laku yang mengganggu pembelajaran mereka sendiri dan orang lain. Pengurusan bilik darjah yang berkesan menjadi penting apabila murid mengalami perkembangan identiti, peningkatan emosi dan dinamik sosial yang kompleks (Khuntia & Sahoo, 2025).

Persekitaran pembelajaran yang diurus dengan baik bukan sahaja menyumbang kepada kejayaan akademik tetapi juga kepada kesihatan emosi dan psikologi murid (Khuntia & Sahoo, 2025). Dapatan ini selaras dengan penemuan Jennings et al. (2019), yang menekankan bahawa bilik darjah yang menyokong emosi dikaitkan dengan tahap kebimbangan murid yang lebih rendah dan peningkatan penglibatan. Begitu juga dapatan Wang et al. (2020) mendapati bahawa iklim bilik darjah yang dibentuk oleh tingkah laku dan pengurusan guru mempunyai kesan yang ketara terhadap kesejahteraan psikologi dan akademik murid. Pengurusan bilik darjah yang berkesan dan konsisten adalah penting untuk mengekalkan iklim yang positif. Ketidakselarasan sama ada dalam menguatkuasakan peraturan, menguatkuasakan akibat atau mengekalkan rutin boleh mewujudkan rasa tidak selamat dan ketidakadilan dalam bilik darjah (Korpershoek et al., 2025). Bagi mencapai konsistensi dalam pengurusan iklim bilik darjah yang lestari, guru memerlukan latihan, kesabaran dan perancangan supaya manfaatnya untuk guru dan murid berbaloi dengan setiap usaha. Pengurusan bilik darjah dan pengurusan tingkah laku yang berkesan memupuk persekitaran di mana guru dan murid berkembang maju (Pace, 2025).

Pembangunan Profesional (PD) Untuk Kelestarian Iklim Bilik Darjah

Istilah pembangunan profesionalisme digunakan bagi menggantikan istilah pembangunan staf atau latihan dalaman yang dikaitkan dengan bengkel atau kursus jangka pendek (Putnam & Borko, 2015). Apabila istilah pembangunan profesionalisme digunapakai, guru seharusnya membangunkan profesionalisme diri dalam jangka waktu panjang. Proses tersebut melibatkan perancangan secara sistematik bagi membolehkan guru merebut peluang dan menimba pengalaman untuk meningkatkan kompetensi diri (Boeskens et al., 2020; Hashim & Mohd Radzi, 2024; Kabilan, 2019; Liu & Hallinger, 2018; Yunga, 2020). Pembangunan profesionalisme guru memberi pendedahan kepada pengetahuan dan kemahiran baru kepada guru yang baru mula bertugas dan juga kepada guru-guru yang telah lama mengajar di sekolah. Pendedahan kepada pengetahuan dan kemahiran baru dalam bidang perguruan akan membantu guru memantapkan lagi kemahiran menyampaikan ilmu kepada murid serta berkongsi idea-idea dan pengetahuan terkini seiring dengan perubahan semasa termasuk kandungan atau

pendekatan pengajaran dan pembelajaran serta pengalaman yang relevan dengan perkembangan semasa (Ibrahim et al., 2015; Saad & Sankaran, 2019; Ventista & Brown, 2023). Latihan menjurus ke arah pembangunan profesional guru bersifat dinamik dan telah berubah mengikut pelbagai perspektif yang secara jelasnya berfokus kepada perubahan peranan guru (Stoeger et al., 2021; Sulaiman & Mansor, 2024; Weile et al., 2016). Tugas guru bukan sahaja menyediakan perkhidmatan mengajar dan menyampaikan pengajaran berkesan kepada murid di sekolah tetapi dalam masa yang sama belajar untuk meningkatkan kompetensi kerja dan profesion agar sentiasa berkualiti (Osman & Mokhtar, 2022). Terdapat banyak program pembangunan guru yang dibuat dan banyak kaedah untuk ditambahbaik bagi memastikan kualiti guru terus mencapai standard yang ditetapkan oleh sesebuah organisasi atau kerajaan (Ayvaz-Tuncel & Cobanoglu, 2018; Phillips & Chetty, 2018; Ting, 2017). Menurut Potolea dan Toma (2015), latihan pembangunan guru baharu perlu berteraskan kepada proses pembelajaran sepanjang hayat. Ia tidak boleh bersifat sementara dan perlu berterusan bagi memastikan semua guru dapat menyahut perubahan globalisasi teknologi pendidikan (Mubarak et al., 2021; Nesje & Lejonberg, 2022; Potolea & Toma, 2015; Rincon-Ussa et al., 2020). Pembelajaran sepanjang hayat merupakan pembangunan profesional yang memberi manfaat bukan sahaja kepada guru tetapi juga kepada murid (Rajaram & Kudalingam, 2015). Seorang guru dengan pengetahuannya yang sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa akan memindahkan pengetahuan yang dikemas kini tersebut dan murid akan mengalami pengalaman pembelajaran yang lebih baik dan bermakna.

Sokongan Kepimpinan Sekolah

Iklim bilik darjah yang positif tidak boleh dikekalkan secara berasingan daripada persekitaran sekolah yang lebih luas. Kepimpinan sekolah memainkan peranan penting dalam menetapkan jangkaan, menyediakan sumber dan memupuk komitmen kolektif terhadap iklim bilik darjah yang menyokong (Voight & Nation, 2016) serta memacu keberkesanan sistem pendidikan, khususnya dalam meningkatkan potensi dan kualiti pengajaran guru. Amalan kepimpinan instruksional menyatakan idea tentang cara kepimpinan dan perkara yang dilakukan seorang pemimpin secara langsung memberi kesan kepada pencapaian murid (Abd Rahman, 2021). Dedikasi guru, kualiti pengajaran dan kebolehan guru dapat ditingkatkan oleh amalan kepimpinan instruksional pemimpin sekolah (Awangku Amin & Mohd Hamzah, 2021). Kepimpinan sekolah memainkan peranan penting dalam memimpin pelaksanaan kurikulum serta memastikan suasana pembelajaran yang kondusif diwujudkan bagi menggalakkan budaya belajar dalam kalangan murid (Samsuri & Safii, 2023). Ini bermaksud amalan kepimpinan pengetua selaku pemimpin instruksional boleh melonjakkan kualiti pendidikan serta mewujudkan persekitaran sekolah yang positif dan produktif.

Kepimpinan dalam persekitaran pendidikan secara tradisinya memberi tumpuan kepada pencapaian akademik, kecekapan pentadbiran dan kesejahteraan keseluruhan murid dan kakitangan (Day et al., 2020). Kemenjadian murid yang berfokuskan tiga elemen iaitu akademik, kokurikulum dan sahsiah adalah bergantung kepada kepimpinan pengetua yang baik dan berstrategi (Zakaria et al., 2021). Kualiti kepimpinan dapat ditunjukkan melalui perkongsian kepimpinan antara pengetua dan guru serta kakitangan sekolah, menggalakkan guru dan staf bekerja dalam kumpulan. Kaedah ini menghasilkan kerjasama apabila kuasa, autoriti dan tanggungjawab diasaskan pada kepelbagaian pembuat keputusan yang mempunyai kesan ke atas komitmen dan akauntabiliti komuniti sekolah (Hashim & Mohd Rodzi, 2024). Budaya bekerjasama menggalakkan guru berkongsi strategi, memerhati kelas satu sama lain

dan terlibat dalam penyelesaian masalah bersama serta dapat membantu mencegah kemerosotan iklim bilik darjah akibat keletihan atau guru ganti (Cheon et al., 2020).

Kesan Kepada Pencapaian Murid

Iklim bilik darjah positif yang mampan, apabila dirangka melalui *SDT* dan konektivisme, mempunyai kesan pelbagai dimensi ke atas pencapaian murid di sekolah menengah. Pencapaian bukan sahaja dari segi prestasi akademik tetapi juga literasi dan kompetensi digital, perkembangan sosio-emosi dan pembelajaran terkawal sendiri, semuanya semakin diperlukan dalam landskap pembelajaran abad ke-21.

Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik murid merupakan satu aspek yang amat penting dan sering ditekankan oleh institusi sekolah. Hal ini kerana keberkesanan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) diukur menerusi pencapaian akademik murid. Persekitaran atau iklim pembelajaran merupakan elemen penting dalam membentuk suasana pembelajaran yang kondusif dan memberangsangkan. Iklim bilik darjah yang kondusif dapat membantu mewujudkan keselesaan PdPc di samping mengekalkan tumpuan dan minat belajar dalam bilik darjah (Awang et al., 2018; Che Ahmad et al., 2019). Bilik darjah adalah tempat pembelajaran berlaku sama ada dalam konteks sosial, psikologikal dan pedagogikal yang boleh mempengaruhi pencapaian dan sikap murid. Iklim bilik darjah yang positif dan kondusif menggalakkan aktiviti intelektual, menggalakkan persahabatan, kerjasama dan sokongan di samping menggalakkan pembelajaran, pertumbuhan dan perkembangan murid (Amin, 2023).

Terdapat banyak kajian yang dilakukan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi akademik murid pada tahap pengajian yang berbeza. Dapatan kajian Cheng & Weng (2017) menunjukkan bahawa sikap guru terhadap pengajaran media digital mempengaruhi pencapaian pembelajaran murid. Kajian ini mendapati bahawa teknologi digital interaktif menawarkan peluang kepada murid belajar secara kolaboratif dan pelbagai kesan penggunaan digital kepada murid termasuk peningkatan pemahaman tentang kandungan pembelajaran, kesediaan untuk meneroka dan kemampuan untuk berfikir secara kritis. Sementara itu dapatan kajian Amin, 2023 mendapati bahawa iklim bilik darjah yang meliputi kemudahan fasiliti, persekitaran bilik darjah dan pengajaran guru mempunyai perkaitan yang positif dengan pencapaian akademik murid. Hal ini jelas menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran berada pada tahap tinggi memberi impak ke arah peningkatan prestasi murid dalam pelajaran.

Dari perspektif Teori Penentuan Kendiri (*SDT*), apabila guru menyokong autonomi, kompetensi dan perkaitan, murid membangunkan motivasi intrinsik, yang sangat berkorelasi dengan pembelajaran yang lebih mendalam dan prestasi yang lebih tinggi dalam mata pelajaran teras (Ryan & Deci, 2020). Dalam persekitaran pembelajaran konektivisme, keupayaan untuk menavigasi, menilai, dan menyepadukan maklumat daripada pelbagai sumber digital mengukuhkan lagi hasil akademik (Siemens, 2005; Bond et al., 2021). Murid dalam bilik darjah di mana iklim positif menyokong cenderung untuk menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam penilaian penyelesaian masalah dan projek kolaboratif kerana mereka diberi kuasa untuk mengambil alih pembelajaran mereka (Siregar et al., 2024).

Literasi Dan Kompetensi Digital

Teknologi aplikasi digital yang muncul pada era globalisasi telah banyak memberikan perubahan yang ketara dan signifikan khususnya dalam bidang perkembangan bahasa, komunikasi, dan literasi awal kanak-kanak dalam pembelajaran. (Priyoambodo & Suminar, 2021). Dengan kehadiran teknologi aplikasi digital, murid-murid akan lebih memiliki akses langsung terhadap bahan-bahan pembelajaran yang interaktif dan menarik untuk mereka gunakan. PdPc dapat dijalankan sama ada dalam bentuk bersemuka atau tidak bersemuka dan mempelbagaikan cara penyampaian ilmu pengetahuan atau cara pelaksanaan PdPc (Hasin et al, 2022). Isi kandungan PdPc boleh disampaikan dengan pelbagai cara tanpa meningkatkan kos dan masa yang diperlukan untuk belajar dan murid-murid mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza (Kaviza 2019). Murid-murid boleh memilih gaya pembelajaran yang paling sesuai untuk belajar supaya ilmu dapat disampaikan pada tahap maksimum. Jelas membuktikan teknologi digital menjadi satu pelantar penting untuk merevolusikan pembelajaran, menginovasi pedagogi dan meningkatkan kualiti pembelajaran murid (Ling & Kutty, 2022).

Usaha meningkatkan kompetensi penggunaan teknologi digital dalam PdPc adalah penting bagi guru dan murid kerana penggunaan teknologi digital merupakan salah satu Alat Bantu Mengajar (ABM) dalam proses PdPc seharian. Ianya berupaya meningkatkan minat dan motivasi belajar murid (Ismail et al., 2019). Kandungan pengajaran yang disampaikan dengan bantuan teknologi digital mewujudkan suasana pembelajaran lebih menarik dan seronok (Mohd Noora & Megat Zakaria, 2018). PdPc berasaskan teknologi digital yang berbantuan teks, gambar, audio, video atau animasi menjadikan kandungan pengajaran juga lebih mudah difahami dan sesuai dengan murid-murid zaman sekarang (Intan Marfarrina et al., 2021). Dengan ini, minat, motivasi belajar dan kefahaman murid terhadap kandungan pengajaran dapat ditingkatkan.

Perkembangan Sosio-Emosi

Iklim bilik darjah yang positif menyokong memupuk kepercayaan, rasa hormat dan keterangkuman yang penting untuk pembangunan kecerdasan emosi dan kemahiran interpersonal. Di bawah *SDT*, perkaitan adalah penting untuk mengekalkan motivasi dan dalam bilik darjah digital yang bersambung, hal ini meluas kepada membina hubungan dengan rakan sebaya merentas rangkaian dan budaya (Rasheed et al., 2020). Konektivisme menguatkan kesan ini dengan membenarkan murid mengambil bahagian dalam komuniti dalam talian yang pelbagai, dengan itu meningkatkan empati, kesedaran budaya dan kebolehsuaian (Chiu, 2021). Kaedah pengajaran berasaskan pendekatan projek mendorong murid-murid untuk bekerjasama antara satu sama lain di samping memberi peluang untuk menyiasat isu-isu dalam kehidupan harian secara mendalam (Can et al., 2017). Aktiviti kolaborasi dapat mempertingkatkan kemahiran interaksi sosial, belajar untuk bekerjasama dengan guru dan rakan-rakan, melatih kemahiran berkomunikasi serta tampil lebih berani dalam menghadapi cabaran (Aguilar, 2016). Selain itu, murid digalakkan untuk berinteraksi, berbincang, membantah atau berdebat secara berhemah sesama mereka dan orang dewasa (Smith & Chao, 2018).

Pembelajaran Terkawal Kendiri

Pembelajaran Terkawal Kendiri (*Self-Directed Learning*) ialah proses di mana murid mengambil inisiatif, tanggungjawab dan kawalan ke atas pembelajaran mereka sendiri,

merangkumi penetapan matlamat, strategi serta penilaian sendiri. Ia memupuk motivasi intrinsik dan kemahiran berdikari untuk mencapai objektif pembelajaran secara aktif. Selain itu ia membantu murid menggunakan alat digital dan pendekatan untuk belajar secara berkesan dan bebas. *SDL* menggalakkan murid mengembangkan pembelajaran mereka di luar bilik darjah ke dalam konteks dunia sebenar, menggalakkan kebebasan murid untuk meneroka ilmu pengetahuan dengan autonomi, membolehkan fleksibiliti dalam pembelajaran dan membangunkan disiplin sendiri (Charokar & Dulloo, 2022). Pembelajaran terkawal sendiri dalam iklim bilik darjah positif boleh menyumbang kepada pembangunan kemahiran kognitif penting seperti pemikiran kritis dan pemikiran kreatif (Qian et al., 2023).

Iklim bilik darjah yang positif juga memupuk peraturan sendiri iaitu keupayaan untuk menetapkan matlamat, memantau kemajuan dan menyesuaikan strategi. Sokongan autonomi *SDT* memperkasakan murid untuk bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka, manakala konektivisme melengkapkan mereka dengan sumber rangkaian untuk melakukannya dengan berkesan. Kajian menunjukkan bahawa murid dalam iklim bilik darjah yang menggalakkan proses membuat keputusan secara bebas dan penerokaan digital secara kolaboratif lebih mahir dalam mengurus beban kerja, memenuhi tarikh akhir tugas dan meneruskan projek berdasarkan soalan yang kompleks (Unding & Mydin Kutty, 2023).

Ketahanan Pendidikan Jangka Panjang

Mengekalkan iklim positif di sekolah menengah mempunyai kesan perlindungan terhadap daya tahan akademik murid. Walaupun berhadapan dengan cabaran seperti perubahan kurikulum atau gangguan pembelajaran maya, murid yang terbiasa dengan iklim berasaskan *SDT* dan konektivisme mengekalkan tahap penglibatan dan prestasi yang lebih tinggi (Bond et al., 2021). Ketahanan ini berpunca daripada mempunyai kedua-dua motivasi untuk belajar dan ketersambungan digital untuk mengakses laluan pembelajaran yang pelbagai. Pembelajaran digital memupuk kreativiti dan memberi murid rasa kejayaan, menggalakkan pembelajaran tambahan dengan berfikir di luar teknik tradisional. Dengan perkembangan teknologi masa kini guru juga memanfaatkan semua sumber dalam pembelajaran digital yang tersedia untuk memastikan PdPc hidup, menarik dan terkini (Haleem et al., 2022).

